



حَبَابَةُ خَالِ الْإِسْلَامِ كَمِثَابَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

15 SYAABAN 1443H / 18 MAC 2022M

ANUGERAH ANAK DISYUKURI, BUKAN DIZALIMI

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAJI
Unit Beaitul Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 14/03/2022

DIBACA PADA : 18/03/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI
Ketua Peninggalan
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
ANUGERAH ANAK DISYUKURI, BUKAN DIZALIMI

الحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

﴿ قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَّا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقَ نَحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ... ﴾ (١٥١)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT!

Marilah kita bersyukur dengan anugerah iman dan Islam dengan niat serta iltizam yang ikhlas melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala yang ditegah-Nya. Semoga keikhlasan kita dalam mentaati suruhan dan larangan Allah SWT akan menganjatkan diri kita ke darjat taqwa, seterusnya melayakkan kita memperolehi ganjaran syurga di akhirat nanti. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “ANUGERAH ANAK DISYUKURI, BUKAN DIZALIMI”.

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH!

Ada pasangan suami isteri yang lambat dikurniakan anak. Malahan ada juga pasangan yang langsung tidak dikurniakan zuriat. Antara natijahnya, ada di kalangan pasangan seumpamanya yang terlalu menginginkan anak mengalami kemurungan sehingga berlaku perceraian.

Bagi mengelakkan kebosanan dan kesunyian, ada yang mengambil anak angkat. Manakala pasangan yang berkemampuan berusaha mendapatkan zuriat melalui kaedah “tabung uji”. Ini menunjukkan betapa besar ertinya anugerah anak kepada

setiap pasangan kerana ia berperanan mengeratkan lagi hubungan suami isteri lantaran anak-anak ibarat permata penyeri rumah tangga.

Namun demikian saudara Jemaah sekalian, dalam kegairahan kebanyakan pasangan ingin mempunyai zuriat sendiri, ada pula segelintir yang seolah-olah tidak menghargai dan tidak mensyukuri anak anugerah Ilahi yang tidak ternilai makna serta manfaatnya dalam konteks kehidupan dunia dan akhirat. Fenomena ini dipertontonkan kepada kita menerusi gejala pembuangan bayi dan penderaan anak-anak dalam masyarakat yang sering dipaparkan oleh media. Lebih mendukacitakan lagi, kebanyakan mereka yang didapati melakukan tindakan tidak berperikemanusiaan terhadap bayi mahupun kanak-kanak itu kebanyakannya yang beragama Islam.

KAUM MUSLIMIN YANG MULIA!

Kalau hendak disenaraikan punca atau sebab-musabab berlakunya kezalamin terhadap bayi dan kanak-kanak adalah berbagai. Tetapi secara umumnya, perbuatan membuang bayi dan penderaan kanak-kanak dipercayai berkait rapat dengan budaya pergaulan bebas dan tekanan hidup sama ada dari segi ekonomi mahupun emosi. Kes pembuangan bayi misalnya, kebanyakan mangsanya adalah bayi anak luar nikah. Manakala penderaan anak-anak pula lazimnya berlaku dalam rumahtangga yang berantakan dan menghadapi pelbagai masalah hidup.

Ada juga yang beralasan belum bersedia menjadi ibu, takut dimarahi ibubapa, malu kepada masyarakat, gagal mengawal emosi dan kesempitan hidup tidak dapat diterima sebagai alasan bagi mewajarkan perlakuan zalim terhadap mana-mana individu sama ada bayi mahupun kanak-kanak. Sedangkan dalam maqasid Syariah, nyawa dan nasab merupakan antara perkara yang patut dipelihara dan mendapat pembelaan sewajarnya oleh umat Islam.

Perhatikan dan hayatilah kandungan firman Allah SWT berikut dalam surah al-Isra' ayat 31:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةً إِمْلَاقٍ نَحْنُ نَرْزُقُهُمْ وَإِيَّاكُمْ إِنَّ قَتْلَهُمْ كَانَ خِطْئًا كَبِيرًا ﴿٣١﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapaan; Kamilah yang memberi rezeki kepada mereka dan kepada kamu. Sesungguhnya perbuatan membunuh mereka adalah satu kesalahan yang besar."

Melalui ayat ini, kita beroleh **beberapa pengajaran penting** yang wajib diambil berat oleh kita selaku umat Islam.

Pertama, Allah SWT melarang keras perbuatan membunuh anak dengan ap acara sekalipun.

Kedua, jangan kuatir jatuh papa apabila mendapat anak.

Ketiga, Allah yang memberi rezeki kepada sekalian makhluk termasuk bayi yang baru dilahirkan. Dan

Keempat, perbuatan membunuh adalah suatu kesalahan yang besar.

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH!

Di dalam surah al-Anfal ayat 28, Allah SWT menegaskan bahawa harta benda dan anak-anak hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar. Ini bermakna, anak adalah amanah Allah kepada ibu bapa untuk disyukuri dan bukannya dizalimi. Mensyukuri anak kurniaan Ilahi bererti bukan setakat memberi kasih sayang, memberi pakaian, makan minum dan tempat tinggal, akan tetapi apa yang lebih utama adalah memberi mereka didikan yang sempurna dari segi akhlak, akidah, Syariah dan sebagainya sehingga menjadi anak yang soleh.

Rasulullah SAW dalam sebuah hadisnya ada menegaskan bahawa *“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariahnya, ilmu bermanfaat yang diajarkannya dan anak soleh yang ditinggalkan yang sentiasa mendoakan kesejahteraan kedua ibubapanya.”* (HR Muslim)

Sehubungan itu, Allah SWT menuntut ibu bapa agar menjadikan kasih sejati kepada anak-anak sebagai kenderaan yang membawa anak-anak ke jalan syurga dan bukannya jurang neraka. Ini sejajar dengan perintah Allah yang terakam pada surah at-Tahrim ayat 6 berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ
غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka*

itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ

اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ

مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿١١٠﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كباوه دولي يغ مها موليا سري فدوك بكيندا يغ دفرتوان أكوغ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوان يغ تراوتام يغ دفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُذَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ) (عَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

Disediakan dan diedar oleh:
 Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
 Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
 Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
 88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.